

25 JAN 2001

Mahathir-Masyarakat

DR MAHATHIR NAFIKAN ANGGAPAN PEMIMPIN LUPAKAN RAKYAT

POKOK SENA, 25 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan anggapan sesetengah pihak kononnya para pemimpin kerajaan sudah melupakan kepada masyarakat di bawah.

Perdana Menteri berkata, anggapan itu tidak betul kerana para pemimpin kerajaan masih terus memberikan perkhidmatan demi faedah rakyat.

Ini dapat dilihat dengan tahap pembangunan yang dibawa oleh para pemimpin kerajaan kepada setiap pelusuk negara, katanya di majlis perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin UMNO cawangan-cawangan dari bahagian Pokok Sena dan Padang Terap di Sekolah Menengah Sains Pokok Sena di sini hari ini.

Ini merupakan siri lawatan pertama Dr Mahathir untuk menemui para pemimpin cawangan-cawangan dari seluruh bahagian UMNO di negara ini untuk tahun ini.

Beliau berkata, pemimpin kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat.

Beliau mengajak orang Melayu supaya terus bersatu padu dalam UMNO agar pemimpin parti itu menjadi lebih kuat dan boleh terus membantu mereka.

"Perpaduan memberi kekuatan pada kita.

"Lidi penyapupun kalau satu mudah dipatahkan tetapi kalau kumpul jadi liat dan kuat," katanya.

Dr Mahathir berkata, pemimpin UMNO boleh terus membangunkan negara dengan syarat orang Melayu bersatu padu dalam UMNO.

Pemimpin UMNO boleh melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan sekiranya orang Melayu berdiri teguh menyokong di belakang pemimpin UMNO.

Perdana Menteri berkata sejarah telah membuktikan bahawa orang Melayu boleh menjadi kuat sekiranya mereka bersatu padu sehinggakan negara boleh mencapai kemerdekaan.

Orang Melayu tidak mempunyai kekuatan senjata untuk melawan kuasa besar seperti British dahulu tetapi disebabkan perpaduan yang kuat, mereka boleh mengalahkan rancangan penubuhan Malayan Union di negara ini.

"Ketika itu, orang Melayu melihat pemimpin orang Melayu sebagai nak selamatkan orang Melayu tanpa kira soal dari mana dia mai (datang)," katanya.

Beliau berkata Umno ditubuhkan untuk kepentingan orang Melayu dan bukan untuk kepentingan pemimpin, oleh itu orang Melayu perlu menyokong perjuangan yang menjaga kepentingan mereka.

Walaupun ketika itu, orang Melayu miskin dan tidak ada cerdik pandai tetapi di sebalik pemimpin Melayu berdiri jutaan orang Melayu memberikan sokongan moral dan akhirnya mereka dapat kalahkan penjajahan British.

Orang Melayu bersatu padu ketika itu untuk tolong pulihkan maruah bangsa yang dijajah.

Di majlis itu, Dr Mahathir turut menyentuh mengenai PAS menyalahgunakan agama Islam demi kepentingan politik mereka.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Ketua Umno Bahagian Padang Terap, Datuk Dr Affifudin Omar dan Ketua Umno Bahagian Pokok Sena, Ahmad Lebai Sudin hadir sama.

-- BERNAMA.

JM PR